LAU AH KEAT

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA KANGSAR
TUAN ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-12-94]
6 DISEMBER 1994

TAHANAN PENCEGAHAN*: Seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 - Permohonan habeas corpus - Bahasa yang digunakan untuk menerangkan hak pemohon - Samada difahami oleh pemohon - Lembaga Penasihat tidak bertindak di bawah s. 10 Akta kerana keengganan pemohon membuat representasi - Samada fatal - Samada perkara 151(b) Perlembagaan Persekutuan tidak dipatuhi.*

Pemohon telah ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta) dan berikutnya responden telah mengeluarkan suatu perintah tahanan di bawah s. 6(1) mengarahkan pemohon ditahan selama 2 tahun. Pemohon memohon perintah habeas corpus dan berhujah bahawa penahanannya adalah tidak sah oleh kerana beliau tidak memahami bahasa yang digunakan ketika pihak berkuasa menjelaskan haknya di sisi undang-undang dan dengan itu telah dinafikan hak asasinya di bawah Perlembagaan Persekutuan. Pemohon juga berhujah bahawa walaupun beliau telah menulis surat kepada Lembaga Penasihat menyatakan beliau tidak mahu membuat representasi terhadap perintah tahanannya itu, surat tersebut tidak boleh dipakai, dan oleh sebab itu, kegagalan Lembaga Rayuan untuk bertindak dibawah s.10 Akta dan seterusnya membuat syor kepada Yang Dipertuan Agong adalah fatal kerana bertentangan dengan kehendak perkara 151(b) Perlembagaan.

Diputuskan:

[1] Berdasarkan kepada afidavit yang dikemukakan Mahkamah tidak dapat menerima pendapat bahawa pemohon tidak memahami bahasa atau loghat yang digunakan terhadapnya. Keterangan afidavit berkaitan sebaliknya menunjukkan bahawa pemohon telah diberi dan dijelaskan hak-haknya di sisi undang-undang dalam bahasa atau loghat yang difahaminya. Jika dirujuk kepada perintah tahanan pemohon sendiri telah menandatangani di bawah perintah tersebut dengan pernyataan yang beliau faham apa yang diterangkan kepada beliau.

[2] Dalam afidavitnya pemohon tidak menyatakan bahawa beliau tidak memahami Bahasa Malaysia yang telah digunakan oleh Penguasa Penjara Ismail apabila pemohon diberitahu haknya untuk membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Oleh itu keterangan afidavit Penguasa Penjara berkenaan haruslah diterima sebagai benar kerana apa yang dinyatakan olehnya tidak dinafikan oleh pemohon.

[3] Tindakan Setiausaha Lembaga Penasihat bertindak atas surat pemohon yang menyatakan pemohon tidak mahu membuat representasi adalah teratur. Peruntukan perkara 151(b) Perlembagaan dan s. 10 Akta berhubung dengan pertimbangan representasi oleh Lembaga Penasihat dan seterusnya membuat syor-syor kepada Yang DiPertuan Agong hanya akan dilaksanakan jika pemohon membuat representasi terhadap perintah tahanannya. Di sini pemohon tidak ada membuat representasi tersebut. Dengan itu penahanan pemohon adalah teratur dan sah dan tidak bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan.

[Permohonan ditolak]

Kes-kes yang dirujuk:

Overseas Investment Private Limited lwn. Anthony William O'Brien & Anor. [1988] 2 CLJ 238 ***(dirujuk)***

Liew Kim Swee lwn. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor. [1991] 1 CLJ 53 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, ss. 3(1), 6(1), 9, 10

Akta Keterangan 1950, s. 74

Kaedah-kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 Kaedah 3(5), 6

Perlembagaan Persekutuan Perkara 5(3), 151, 151(b)

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh & Jagadeep Singh; T/n. Karpal Singh & Co.

Bagi pihak responden - Mahmud b. Hj. Abdullah, Peguam Persekutuan

PENGHAKIMAN

Zulkefli bin Ahmad Makinudin PK:

Pemohon ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta] pada 2 Februari 1994. Pada 2 April 1994 Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia telah mengeluarkan suatu perintah tahanan di bawah s. 6(1) mengarahkan pemohon ditahan selama dua tahun. Encik Karpal Singh bagi pihak pemohon mengemukakan satu isu penting iaitu beliau mempertikaikan bahasa yang digunakan terhadap pemohon bagi menjelaskan hak-haknya disisi undang-undang bermula dari peringkat tangkapan hingga kepada peringkat representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Adalah hujah pihak pemohon bahawa oleh kerana pemohon tidak memahami dan tidak dijelaskan dalam bahasa yang ianya faham berhubung dengan hak-haknya disisi undang-undang, maka ia telah dinafikan hak asasinya yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan ['Perlembagaan'] terutamanya dalam Perkara 5(3) dan Perkara 151(b) Perlembagaan. Atas sebab ini pemohon menyatakan penahanannya tidak sah dan pohon ianya dibebaskan.

Di dalam afidavit menyokong permohonannya pemohon menyatakan apabila ia mula ditahan di Balai Polis, Butterworth pada 2 Februari 1994 ia telah diberitahu sebab-sebab ia ditangkap dalam loghat Teochew. Manakala apabila pemohon diserahkan dengan sesalinan perintah tahanan bertarikh 2 April 1994 pada 2 April 1994 ia telah menyatakan bahawa ia telah tidak diberitahu oleh pegawai polis sama ada secara bertulis atau lisan sebab-sebab dan alasan-alasan ianya ditahan di bawah perintah tahanan tersebut. Peguam pemohon juga berhujah bahawa sekiranya pihak responden menyatakan bahawa sebenarnya pemohon telah diberitahu dan dijelaskan akan isi kandungan perintah tahanan seperti yang tercatat dalam perintah tahanan dalam loghat Hokkien, ianya adalah dalam bahasa atau loghat yang pemohon tidak faham. Pemohon seterusnya menyatakan bahawa oleh kerana terdapat dua bahasa atau loghat yang telah dikatakan digunakan oleh pihak polis iaitu loghat Teochew pada masa ianya mula ditangkap dan loghat Hokkien pada masa perintah tahanan diserahkan kepadanya, ini menunjukkan bahawa pemohon telah tidak faham apa yang telah diberitahu kepadanya mengenai perintah tahanannya oleh pegawai polis yang berkenaan.

Bagi menjawab dakwaan pemohon yang ianya tidak diberitahu dan dijelaskan akan sebab-sebab dan alasan-alasan ia ditahan di dalam bahasa atau loghat yang ia faham, Peguam responden berhujah menyatakan jika dirujuk kepada jurat di atas afidavit pemohon dalam permohonan ini ianya menunjukkan bahawa pemohon telah dibacakan dan diterangkan akan isi kandungan afidavitnya dalam Bahasa Mandarin pula. Itu pun mengikut Peguam responden telah dapat difahami oleh pemohon akan isi kandungan afidavit tersebut. Oleh yang demikian

adalah pendapat pihak responden bahawa bahasa atau loghat tidak menjadi satu masalah kepada pemohon kerana adalah nyata mengikut keterangan pemohon sendiri ia didapati boleh memahami lebih dari satu bahasa atau loghat Cina.

Walauapapun jika dikaji afidavit-afidavit yang telah difailkan bagi pihak responden, Peguam responden menyatakan adalah jelas bahawa pihak responden telah mematuhi kehendak Perlembagaan dan Akta. Di peringkat semasa pemohon mula ditahan Penolong Penguasa Polis Sulaiman Bin Yusof telah memberitahu pemohon secara lisan dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami sebab-sebab pemohon ditangkap seperti berikut:

> Bahawa kamu ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 kerana kamu telah terlibat dalam aktiviti berhubungan dengan penglibatan pengedaran dadah berbahaya dan adalah perlu bagi kepentingan awam kamu ditahan.

Selepas itu Penolong Penguasa Polis Guan Beng Kang telah menerangkan dalam loghat Teochew sebab-sebab pemohon ditangkap sebagaimana yang telah diterangkan dalam Bahasa Malaysia oleh Penolong Penguasa Sulaiman Bin Yusof. FAkta ini telah disokong dalam afidavit Penolong Penguasa Polis Guan Beng Kang yang difailkan bagi pihak responden dalam kes ini.

Persoalan Bahasa yang kemudiannya dipertikaikan oleh pemohon adalah berkisar di atas hak representasi seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 151 Perlembagaan dan s. 9 Akta:

Pemohon mendakwa apabila diserahkan kepadanya suatu perintah tahanan pada 2 April 1994 isi kandungannya telah tidak dijelaskan kepadanya dan ia tidak memahami loghat Hokkien yang digunakan bagi menyampai maksud perintah tahanan tersebut. Untuk menjawab dakwaan ini Ketua Inspektor Iyeng s/o Endin Niang dalam afidavit yang difailkan bagi pihak responden telah menyatakan bahawa isi kandungan dan penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan pengataan-pengataan fAkta yang atasnya perintah itu diasaskan terhadap pemohon telah diterangkan olehnya dan diterjemahkan oleh Detektif Kopral Tan Kim Huat kepada pemohon dalam loghat Hokkien. Ketua Inspektor Iyeng juga dalam afidavitnya menyatakan ia telah memberitahu pemohon bahawa pemohon berhak membuat representasi tentang perintah tahanan itu kepada Lembaga Penasihat mengikut s. 9 Akta dan menyampaikan kepada pemohon tiga salinan borang I bagi membolehkan pemohon membuat representasi terhadap perintah itu. Ketua Inspektor Iyeng kemudian meminta pemohon mengakui penerimaan perintah tahanan tersebut yang mana pemohon telah menandatangani dan mengakui memahami isi kandungannya.

Detektif Kopral Tan Kim Huat dalam afidavit yang difail bagi pihak responden telah menyokong keterangan Ketua Inspektor Iyeng. Beliau telah menyatakan ia fasih dalam Bahasa Malaysia dan loghat Hokkien. Pada 2 April 1994 ia telah menterjemahkan penerangan yang dibuat oleh Ketua Inspektor Iyeng dari Bahasa Malaysia ke loghat Hokkien kepada pemohon. Sebelum menterjemahkan penerangan yang dibuat oleh Ketua Inspektor Iyeng, Detektif Kopral Tan Kim Huat telah terlebih dahulu bertanya kepada pemohon bahasa atau loghat Cina yang fasih digunakan olehnya dan pemohon menyatakan yang dia fasih loghat Hokkien. Pemohon telah menyatakan kepada Detektif Tan Kim Huat yang ia telah memahami segala terjemahan yang dibuat. Detektif Tan Kim Huat juga telah memberitahu pemohon bahawa dia berhak membuat representasi tentang perintah tahanan itu kepada Lembaga Penasihat mengikut s. 9 Akta.

Seterusnya pemohon mempertikaikan tindakan yang diambil oleh Penguasa Penjara Ismail bin Mohd. Khalil dari Pusat Pemulihan Akhlak Muar apabila pemohon tiba untuk dibawa masuk sebagal orang tahanan di Pusat tersebut. Peguam bagi pihak pemohon berhujah bahawa oleh

kerana Penguasa Penjara Ismail menggunakan Bahasa Malaysia untuk mengingatkan pemohon akan hak representasinya di hadapan Lembaga Penasihat dan haknya untuk mendapat khidmat Peguam, maka peringatan ini tidak memberi apa-apa makna kepada pemohon kerana bahasa yang digunakan tidak merupakan bahasa yang boleh difahami oleh pemohon dan tiada penterjemahan dibuat mengenainya. Pemohon juga mempertikaikan fAkta dalam afidavit Penguasa Penjara Ismail yang menyatakan pemohon telah mengakui tidak mahu membuat representasi terhadap perintah tahanan tersebut dan menurunkan cop jarinya di atas sekeping borang ekshibit 'IMK 1' yang kemudiannya dihantar kepada setiausaha Lembaga Penasihat. Pengakuan pemohon yang dikatakan oleh responden dibuat olehnya di hadapan dua orang saksi Abdullah Bin Hamid dan Jasmi Bin Abd. Rahman juga dipertikaikan. Pemohon menyatakan oleh kerana kedua-dua saksi tersebut telah tidak dipanggil oleh responden untuk mengesahkan fAkta tersebut melalui afidavit maka ianya hendaklah ditolak.

Peguam pemohon juga berhujah menyatakan borang "IMK 1" yang menyebut pemohon tidak mahu membuat representasi juga tidak boleh diterima kerana borang yang dikemukakan melalui afidavit Penguasa Penjara Ismail adalah satu salinan sah sahaja. Sepatutnya mengikut pemohon, Mohammad Razin pegawai yang mengesahkan salinan borang "IMK 1" hendaklah mengesahkannya melalui suatu afidavitnya sendiri yang mana dalam kes ini tidak dibuat.

Pemohon juga mempertikaikan kenyataan afidavit Encik Khalid, setiausaha Lembaga Penasihat yang menyatakan ia telah menerima surat ekshibit "KA 1" daripada pemohon dimana pemohon menyatakan ia tidak mahu membuat apa-apa respresentasi terhadap perintah tahanan yang dikenakan ke atasnya dan dengan itu tidak perlu bagi Lembaga untuk menimbang dan membuat apa-apa syor kepada Yang Di Pertuan Agung mengikut kehendak s. 10 Akta. Peguam Encik Karpal Singh berhujah bahawa jika benar apa yang dikatakan oleh setiausaha Lembaga yang ia tidak menerima apa-apa representasi dari pemohon dan dengan itu tiada syor Lembaga dikemukakan kepada Yang Di Pertuan Agung maka keadaan ini menunjukkan bahawa peruntukan perkara 151(b) Perlembagaan dan s. 10 Akta telah tidak dipatuhi. Adalah pendapat pihak pemohon bahawa mengikut perkara 151(b) Perlembagaan dan s. 10 Akta tidak seorang pun boleh ditahan selanjutnya di bawah undang-undang pencegahan melainkan suatu Lembaga Penasihat telah menimbang representasi yang telah dibuat dan kemudian mengemukakan syor-syornya kepada Yang Di Pertuan Agung. Dalam hal ini adalah hujah pihak pemohon bahawa ia telah tidak diberitahu akan haknya untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat kerana kalau diberitahu sudah tentu ia akan mengemukakan borang 'I', iaitu borang membuat representasi kepada Lembaga Penasihat. Pemohon juga menyatakan bahawa mengikut peruntukan Kaedah 3(5) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 hanya dalam keadaan apabila pemohon **enggan** menerima perintah tahanan sahaja Penguasa Penjara Ismail boleh memberi tahu setiausaha Lembaga Penasihat perkara itu. Dalam kes ini menurut pemohon apa yang dinyatakan oleh Penguasa Ismail dalam afidavitnya adalah pemohon telah mengakui tidak mahu membuat representasi **bukan** enggan menerima perintah tahanan. Oleh yang demikian adalah pendapat pemohon bahawa surat yang dikemukakan kepada setiausaha Lembaga Penasihat menyatakan yang pemohon tidak mahu membuat representasi tidak boleh dipakai.

Setelah mengkaji afidavit-afidavit yang dikemukakan dalam permohonan ini saya tidak dapat menerima pendapat bahawa pemohon telah tidak memahami bahasa atau loghat yang digunakan terhadapnya di peringkat ia mula ditangkap dan di peringkat apabila diserahkan kepadanya suatu perintah tahanan. Keterangan-keterangan afidavit yang dibuat melalui Penolong Penguasa Polis Sulaiman, Penolong Penguasa Guan Beng Kang, Ketua Inspektor Iyeng dan Detektif Kopral Tan Kim Huat telah membuktikan bahawa pemohon telah diberi dan dijelaskan hak-haknya disisi undang-undang dalam bahasa atau loghat yang difahaminya. Jika dirujuk

kepada perintah tahanan, pemohon sendiri telah menandatangani di bawah perintah tersebut dengan pernyataan seperti berikut:

> Saya Lau Ah Keat No. Kad Pengenalan 4712056 mengaku terima perkara-perkara yang tersebut di butiran (a) hingga (d) di atas pada 2 April 1994, dan telah faham isi kandungannya.

Saya juga tidak dapat menerima pendapat bahawa pemohon tidak dapat memahami Bahasa Malaysia yang digunakan oleh Penguasa Penjara Ismail dan oleh yang demikian telah tidak diberitahu akan haknya untuk membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Mengikut keterangan afidavit Penguasa Penjara Ismail beliau telah mengingatkan pemohon tentang hak representasinya dan hak untuk mendapat khidmat Peguam. Saya berpendapat bahawa kenyataan Penguasa Penjara lsmail adalah benar kerana pemohon sendiri tidak menafikan fAkta ini dalam afidavitnya. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada pendapat yang telah diberi oleh Yang Arif Hakim Datuk Mahadev Shanker dalam kes *Overseas Investment Private Limited lwn. Anthony William O'Brien & Anor.* [1988] 2 CLJ 238 di muka surat 240 dimana di antara lain dinyatakan:

> The plaintiff did not file any affidavit to contradict the afidavit filed by the claimant. Where a case is to be decided on a contest of affidavits the rule is clear. Material allegations which are not contradicted are deemed to be admitted.

Saya juga berpendapat oleh kerana pemohon tidak ada menyatakan dalam afidavitnya yang ia tidak faham Bahasa Malaysia yang digunakan oleh Penguasa Penjara Ismail, keterangan afidavit Penguasa Penjara Ismail hendaklah diterima. Dalam kes *Liew Kim Swee lwn. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor.* [1991] 1 CLJ 53 Yang Arif Hakim Datuk Mohtar Abdullah berhubung dengan perkara seperti ini menyatakan di antara lain di muka surat 55 seperti berikut:

> Dengan adanya keterangan bahawa Inspektor Abdul Wahab telah memaklumkan sedemikian kepada pemohon dan dengan tidak adanya keterangan dalam mana-mana afidavit yang menunjukkan bahawa pemohon tidak faham makluman yang diberi itu, maka saya berpuas hati bahawa penangkapan pemohon tidaklah dibuktikan melanggar perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan pengakuan pemohon tidak mahu buat representasi seperti yang tercatat dalam ekshibit "IMK 1" yang dirujuk dalam afidavit Penguasa Penjara Ismail, saya tidak bersetuju dengan pendapat Peguam bagi pihak pemohon bahawa keterangan tersebut tidak boleh diterima kerana saksi-saksi yang mengesahkan pengakuan tersebut tidak diminta mengesahkannya melalui afidavit responden. Saya juga tidak dapat terima hujah Peguam pemohon oleh kerana ekshibit "IMK 1" yang dikemukakan hanya satu dokumen salinan yang sah, pegawai yang mengesahkannya Mohammad Razin perlu diminta mengesahkannya melalui suatu afidavit. Dalam perkara ini adalah pandangan saya ekshibit "IMK 1" boleh diterima kerana ini adalah suatu dokumen awam mengikut maksud s. 74 Akta Keterangan 1950 dan pengeluarannya telah mematuhi kehendak s. 76 Akta yang sama.

Berhubung dengan persoalan yang dibangkit oleh pemohon bahawa peruntukan Perkara 151(b) Perlembagaan dan s. 10 Akta telah tidak dipatuhi oleh Encik Khalid, setiausaha Lembaga Penasihat kerana bertindak atas ekshibit "IMK 1" yang menyatakan pemohon tidak mahu buat representasi dan dengan itu Lembaga tidak membuat pertimbangan dan membuat syor-syornya kepada Yang Di Pertuan Agung, saya berpendapat bahawa tindakan setiausaha Lembaga adalah teratur. Adalah pandangan saya peruntukan Perkara 151(b) Perlembagaan dan s. 10 Akta berhubung dengan pertimbangan representasi-representasi oleh Lembaga Penasihat dan tindakan selepas itu membuat syor-syor mengenainya kepada Yang Di Pertuan Agung hanya akan dilaksanakan jika pemohon ada membuat representasi terhadap perintah

tahanannya. Dalam permohonan ini saya dapati di atas keterangan-keterangan yang diberi melalui afidavit-afidavit pihak responden tidak ada representasi dibuat oleh pemohon.

Mengenai pendapat pihak pemohon bahawa Penguasa Penjara Ismail tidak boleh mengemukakan surat kepada setiausaha Lembaga Penasihat menyatakan pemohon tidak mahu membuat representasi kerana peruntukan Kaedah 3(5) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 hanya menyebut yang ianya boleh dilakukan dalam keadaan apabila pemohon enggan menerima apa-apa dokumen yang hendak disampaikan kepadanya di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini, saya tidak dapat terima pandangan tersebut. FAkta sebenar dalam kes ini adalah pemohon telah menerima tiga salinan borang I apabila perintah tahanan diserahkan kepadanya oleh Ketua Inspektor Iyeng. Tidak timbul soal pemohon tidak terima perintah tahanan atau borang I baginya mengemukakan representasi kepada Lembaga Penasihat. Tambahan pula mengikut afidavit keterangan Penguasa Penjara Ismail pemohon sendiri mengaku apabila masuk ke Pusat Pemulihan Akhlak Muar tidak mahu buat representasi kepada Lembaga Penasihat dan Penguasa Penjara Ismail telah dapatkan pengesahan bertulis daripada pemohon perkara ini. Saya juga ingin menyatakan di sini jika betul apa yang dikatakan oleh pemohon bahawa ia tidak menerima borang I untuk buat representasi ini tidak bermakna haknya telah dinafikan samasekali kerana mengikut peruntukan s. 9 Akta tidak ada had masa untuk buat representasi kepada Lembaga Penasihat. Juga peruntukan Kaedah 6 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegah Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 memberi peluang kepada pemohon untuk buat representasi dalam keadaan berikut:

> Seseorang tahanan yang enggan menerima penyampaian apa-apa dokumen pada masa dia disampaikan dengan perintah tahanan itu boleh meminta Pegawai Penjaga menyampaikan borang I kepadanya dan Pegawai Penjaga itu hendaklah, apabila permintaan yang sedemikian dibuat, menyampaikan tiga salinan borang I kepada orang tahanan itu dan memberitahu setiausaha mengenai penyampaian itu.

Dalam kes ini pemohon sendiri telah gagal memfaatkan haknya yang masih ada untuk buat representasi kepada Lembaga Penasihat.

Setelah mengkaji segala afidavit dan hujah kedua-dua pihak pemohon dan responden saya berpuashati bahawa penahanan pemohon adalah teratur dan sah, dan tidak bertentangan dengan apa-apa peruntukan Perlembagaan atau Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawahnya. Oleh itu permohonan ini adalah ditolak.